

KAJIAN SEMASA


UPUM Sdn. Bhd. pada ketika ini sedang memberi perkhidmatan perundingan untuk beberapa projek pembinaan diantaranya:

Projek Khas NKRA
(36 sekolah/13 pakej)
- tandas/Padang/ Dewan
Klien : Kementerian Pelajaran Malaysia
Ketua Projek : Sr. Dr. Khairuddin Sulaiman

Projek Khas NKRA:
Pra Sekolah Seluruh Malaysia
Klien : Kementerian Pelajaran Malaysia
Ketua Projek : Sr. Dr. Khairuddin Sulaiman

Mengkaji Keutuhan Struktur Bangunan
Kompleks Karamuning, Kota Kinabalu -
JKR Negeri Sabah
Klien : JKR (Caw Sabah)
Ketua Projek : Ir. Dr. Ismail Othman

Projek-Projek Pembangunan Pendidikan
Di Bawah RMK-9 - SRK Putrajaya, Precint 5
Klien: Kementerian Pelajaran Malaysia
Ketua Projek : Sr. Dr. Khairuddin Sulaiman



DARI MEJA PENGARAH

Salam Sejahtera kepada semua Warga Kampus UM.

Kami di UPUM, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua warga kampus UM beragama Islam. Semoga Ramadhan dan Hari Raya tahun ini membuka lembaran yang lebih bermakna dalam usaha kita untuk memperbaiki diri kita ketahap yang lebih cemerlang, dunia dan akhirat. Kami juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke - 55 kepada semua warga Malaysia di kampus. Untuk menghargai jasa-jasa mereka yang telah berjuang membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang berdaya maju, marilah kita sama-sama memberi sumbangan untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

Beberapa perkara yang berlaku (events) pada Tahun 2012, mengubah struktur organisasi dan operasi UPUM. Antaranya, perantikan Dr. Norbani Che Ha sebagai Timbalan Pengarah UPUM, menggantikan Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri Zainuddin. Mulai Mac 2012, pejabat operasi UPUM juga telah berpindah dari Kompleks Perdanasiswa ke Tingkat 6, Bangunan Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, bersebelahan Bangunan Institut Pengajian Siswazah (IPS). Oleh sebab, premis ini adalah bangunan baru, maka UPUM mengambil masa untuk melengkapkan perabot dan kelengkapan pejabat. Oleh itu, kami memohon maaf jika lawatan/hubungan warga UM ke pejabat kami telah menghadapi sebarang masalah.

Pihak UPUM juga ingin memaklumkan kepada warga kampus, bahawa Majlis UPUM dimesyuaratkan pada bulan Disember 2011, telah bersetuju supaya untuk semua kerja perundingan dengan agensi kerajaan dan negeri, garis panduan Kerja Perundingan Kementerian Kewangan yang diterbitkan pada Mac 2011, akan digunapakai sepenuhnya. Salah satu perbezaan utama adalah faktor pengkali (multiplying factor) bagi yuran perundingan. Misalnya bagi yuran perunding, pekali ini telah dinaikkan dari 1.1 kepada 2.2. Di manual itu juga, diberi pecahan terperinci bagi faktor ini. Berbangkit kenaikan ini, potongan UPUM telah ditetapkan sebagai 0.3 (dari 2.2), bersamaan dengan 13.6% (naik dari 10% yang dikenakan terdahulu). Untuk keterangan terperinci sila rujuk laman sesawang UPUM, untuk muat-turun salinan manual ini atau berhubung terus ke pejabat kami.

Memandangkan UM sedang mengorak langkah untuk mendapatkan status autonomi sepenuhnya dan sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi supaya UM berupaya menjana dana sendiri bagi sebahagian dari kos operasi tahunan menjelang 2020, maka sama-samalah kita berusaha membantu UM untuk menjana lebih banyak dana untuk mencapai sasaran ini.
Wassalam.

SIDANG REDAKSI

PENAUANG:
IR. DR. ISMAIL OTHMAN

EDITOR:
IHSAULFITRI ZAHEDI

GRAFIK:
MOHD SAZALI SALMI

JURUGAMBAR:
MOHD. SAZLY MOHD. YUNUS


PERLANTIKAN BARU TIMBALAN PENGARAH UPUM



UPUM mengalu-alukan kedatangan Dr. Norbani Che Ha yang telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah UPUM menggantikan Prof. Dato' Dr. Mohd. Zambri Zainudin berkuatkuasa pada 4 Januari 2012.

Dr. Norbani Che Ha merupakan Pensyarah Senior di Jabatan Pemasaran dan Sistem Maklumat, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan.

Semoga dengan kehadiran beliau dapat meningkatkan lagi kualiti kerja-kerja perundingan di UPUM justeru menjadikan UM sebagai salah satu universiti terbaik dunia.



Life indeed would be dull if there were no such difficulties.

"The secret of success is to do the common things uncommonly well."

~ John D. Rockefeller ~



NOTA EDITOR

Unit Perundingan Universiti Malaya ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Universiti Malaya kerana telah di anugerahkan autonomi oleh pihak kerajaan baru-baru ini. Antara autonomi yang telah dianugerahkan adalah merangkumi 4 bidang iaitu urusan tadbir, kewangan, sumber manusia dan pengurusan akademik serta pengambilan pelajar mulai September 2012. UPUM sebagai salah satu unit di Universiti Malaya yang menjana sendiri pendapatan dan keuntungan menyahut cabaran dan tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan ini untuk bersama-sama bergerak seiring Universiti Malaya di dalam menjana sumber pendapatan dan dana bagi menjadikan UM lebih maju dan terus kekal berada di antara Universiti yang terbaik di dalam ranking universiti-universiti yang lain.


Hakikatnya untuk mengangkat Universiti Malaya menjadi universiti terkemuka se memangnya memerlukan bajet yang cukup besar disamping tidak mengabaikan kualiti Pengurusan & Profesional. Mungkin selepas diberikan autonomi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mempunyai tanggungjawab yang lebih besar bagi memastikan sumber universiti ditadbir dengan penuh integriti dan akauntabiliti. Dan Universiti Malaya sememangnya digalakkan untuk menjana pendapatan sendiri tetapi tidaklah menyebabkan Universiti Malaya ini akan berorientasikan keuntungan semata-mata, kerana "core business" Universiti Malaya tetap berada dalam lingkungan bidang akademik.

Universiti Malaya sebagai badan berkanun boleh menubuhkan anak syarikat dan melakukan aktiviti perniagaan dan pelaburan dimana anak syarikat yang ditubuhkan universiti di Malaysia tersebut berujuan untuk memasarkan hasil R&D dan juga 'Consultancy' mereka dan kebanyakan perniagaan berdasarkan kepada bidang tujahan (niche area) universiti. Oleh itu, UPUM telah mengambil beberapa langkah awal dengan menubuhkan beberapa anak syarikat di bawah naungan UM Holdings dan UPUM Sdn. Bhd. dan antaranya adalah UM Planners Sdn. Bhd dan UPUM Resources Sdn.Bhd.

Oleh itu, UPUM berharap agar Universiti Malaya akan lebih menumpukan kepada Unit-unit di dalam universiti yang dapat membantu di dalam menjana pendapatan dan dana untuk universiti. Antara tumpuan yang diharapkan adalah seperti membantu mempromosikan dengan lebih lagi unit-unit ini bukan sahaja pada peringkat nasional tetapi di peringkat antarabangsa. Memetik dari kata-kata Johnson, G dan Scholes, K di dalam penulisan mereka "Exploring Corporate Strategies"

"the directions and scope of an organisation over the long term: ideally, which matches with resources to its changing environment, and in particular its markets, customer or clients so as to meet stakeholder expectations".
-Editor


LOKASI BARU PEJABAT UPUM



Pada Mac 2012, UPUM telah pun berpindah daripada Kompleks Perdanasiswa ke pejabat baru. Pejabat baru yang terletak di Tingkat 6 di Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi ini mempunyai fasiliti dan kemudahan yang serba lengkap di antaranya:

- Bilik Mesyuarat
- Bilik Perbincangan
- Bilik Operasi

Selain UPUM, di pejabat baru ini juga menempatkan pejabat urusan UPUM Sdn.Bhd, UPUM Resources Sdn.Bhd serta UM Planners Sdn.Bhd.



AKTIVITI SEMASA

PROMOSI UPUM PERINGKAT DALAMAN

1. Roadshow UPUM di Fakulti Sains
2. Roadshow UPUM di Fakulti Ekonomi




MAJLIS PERPISAHAN STAF UPUM

Majlis Perpisahan ini telah diadakan pada 25 Januari 2012 bagi meraikan dua orang staf UPUM yang telah tamat perkhidmatan.



LOGO BARU UPUM

Berkuatkuasa pada April 2012, pihak UPUM telah mula mengguna pakai logo baru bagi menggantikan logo yang lama.



STAF TAMAT PERKHIDMATAN

UPUM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada staf yang telah menamatkan perkhidmatan mereka bersama UPUM. Antaranya adalah:

1. Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri Zainuddin
Timbalan Pengarah
2. Pn. Hafiza Othman
Pegawai Tadbir

Segala khidmat bakli yang telah dicurahkan oleh mereka amat kami hargai.

~Terima Kasih~

STAF BARU UPUM



Nama : Mohd. Sazali b. Salmi
Jawatan : Pegawai Tadbir
Tarikh Mula Bertugas : 1 Ogos 2012

KAJIAN SEMASA UPUM

Berikut merupakan kajian-kajian semasa yang dijalankan di UPUM, diantaranya ialah:

- 1.Tajuk: Study on Human Resources Manpower Requirement for The Healthcare Sector In Malaysia (1 Jun 2012- 31 Dis 2012)
Klien : Kementerian Sumber Manusia
Ketua Projek : Prof. Madya Dr. Wong Li Ping
- 2.Tajuk : Pembinaan Modul Training of Trainers (ToT) dalam bidang Student Supervision
Klien : AKEPT
Ketua : Prof. Dr. Raja Maznah Raja Hussain
- 3.Tajuk : Pembinaan Modul Training of Trainers (ToT) dalam bidang Scholarship of Teaching and Learning (SOTL)
Klien : AKEPT
Ketua : Prof. Dr. Raja Maznah Raja Hussain

- 4.Tajuk: Cadangan Menukar Kegunaan Tanah 42 Lot Tanah Milik UM daripada Kediaman kepada Institusi - DBKL
Klien : Universiti Malaya
Ketua Projek : Dr. Ibrahim Mohd @ Mohamad
- 5.Tajuk: Feasibility Study on The Establishment of The National Product Safety Testing Laboratory
Klien : Jabatan Standard Malaysia
Ketua Projek : Prof Dr. Zainuddin Arifin
- 6.Tajuk: Consultancy On The Study To Access The Freshwater Fisheries In Ulu Muda, Kedah
Klien : WWF Malaysia
Ketua Projek: En. Lee Kok Yuen